KENYATAAN MEDIA
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

COB3R PERKASA KOMUNITI PUTRAJAYA MELALUI PENDIDIKAN, INOVASI DAN AKTIVITI KITAR SEMULA

3 NOVEMBER 2026

---

1. PUTRAJAYA – Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Hannah Yeoh, hari ini merasmikan Community-Based Eco Recycling Hub (COB3R), sebuah fasiliti kitar semula berasaskan komuniti di Presint 9, Putrajaya. Majlis ini turut dihadiri Presiden Perbadanan Putrajaya, Dato' Haji Mohd Sakeri bin Abdul Kadir.

2. Perasmian ini diadakan bersempena Bulan Kitar Semula Putrajaya dan Hari Kitar Semula Kebangsaan yang disambut pada 11 November setiap tahun. Pelbagai aktiviti dirancang dengan penglibatan komuniti, sekolah, agensi kerajaan dan sektor komersial bagi menggalakkan amalan kitar semula.

3. COB3R Fasa 1 yang dibangunkan dengan kos sekitar RM900,000 dan berkeluasan 232 meter persegi berfungsi sebagai pusat pembelajaran dan aktiviti komuniti dengan tumpuan kepada pendidikan kitar semula, perkongsian kemahiran serta penghasilan produk daripada bahan terpakai.

4. Program dan aktiviti di fasiliti ini akan digerakkan oleh komuniti setempat khususnya warga emas, pesara kerajaan dan suri rumah. Perbadanan Putrajaya bertindak sebagai penyelaras dan pemantau, manakala Alam Flora menyediakan sokongan pengurusan bahan kitar semula.

5. COB3R melengkapi kemudahan kitar semula sedia ada termasuk Pusat Belian Semula (Putrajaya Buy Back Centre) di Presint 9 dan Presint 18 serta Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS) di Presint 5. Pengumpulan bahan kitar semula terus dilaksanakan melalui pusat-pusat berkenaan, manakala COB3R Fasa 1 memberi tumpuan kepada pembelajaran dan aktiviti komuniti.

6. Pada tahun 2025, Putrajaya merekodkan kutipan lebih 8.6 juta kilogram bahan kitar semula, meningkat hampir 840,000 kilogram berbanding tahun 2024. Bagaimanapun, kadar kitar semula kekal pada 22 peratus bagi kedua-dua tahun, menunjukkan keperluan untuk terus memperkukuhkan amalan pengurangan sisa dan kitar semula dalam kalangan penduduk.

7. Hannah berkata, pelaburan sekitar RM900,000 bagi membangunkan COB3R perlu diterjemahkan kepada penggunaan fasiliti secara aktif dan manfaat sebenar kepada komuniti.

   “Saya mahu melihat program di sini berjalan secara konsisten. Kita perlu tahu berapa ramai penduduk yang menyertainya, apa yang mereka pelajari dan bagaimana kemudahan ini memberi manfaat kepada komuniti”.

   “Bagi saya, kejayaan sebuah kemudahan awam bukan diukur melalui saiz bangunannya tetapi melalui manfaat yang diterima oleh rakyat,” katanya.

8. Beliau turut menggalakkan warga Putrajaya supaya mengamalkan pengasingan bahan kitar semula dari rumah, menggunakan semula barangan yang masih elok serta melibatkan ahli keluarga dalam usaha mengurangkan penghasilan sisa.

9. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Dr. Mohd Helmi bin Abdul Hamid, Pengarah Bahagian Kesihatan Persekitaran, Jabatan Perkhidmatan Bandar di talian 03-88877289 atau e-mel kepada m.helmi@ppj.gov.my.

HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

MALAYSIA MADANI